



# **GARIS PANDUAN PERMOHONAN KEBENARAN PDA**

**BAHAGIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,  
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN,  
NO. 13, ARAS 4,  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,  
62623 PUTRAJAYA**

**TEL. : 03-8882 6388  
FAKS : 03-8882 5981/6352**

## **1. PENDAHULUAN**

Garis panduan ini mengandungi kriteria-kriteria dan tatacara yang perlu dipenuhi semasa membuat permohonan kebenaran PDA dan cara-cara mengemukakan pelbagai permohonan di sepanjang tempoh tersebut.

## **2. PUNCA KUASA**

### **2.1. AKTA DAN PERATURAN**

Sebelum menjalankan aktiviti pemasaran dan pengedaran barangan petroleum, anda dinasihatkan supaya mematuhi :-

- i) Akta Kemajuan Petroleum 1974, Peraturan- Peraturan Petroleum 1974; dan**
  
- ii) Akta Petroleum (Langkah- Langkah Keselamatan) 1984 dan Peraturan- Peraturan dibawahnya.**

### **2.2. DENDA**

#### **SEKSYEN 9 DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN PETROLEUM 1974 (PINDAAN 1981)**

“Seseorang yang memulakan atau meneruskan sesuatu urusan atau perkhidmatan yang tersebut dalam peraturan 3 tanpa lesen atau tidak mematuhi apa-apa syarat lesen tersebut adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh **dikenakan denda tidak lebih daripada RM50,000 dan penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya dan mengenai sesuatu kesalahan yang berterusan ia boleh dikenakan denda lanjutan RM1,000 bagi tiap-tiap satu atau sebahagian daripada satu hari kesalahan yang berterusan selepas hari pertama sabitan itu direkodkan**”.

### 3. SYARAT-SYARAT LESEN PDA

- i) Lesen ini tidak boleh dipindah milik tanpa kebenaran daripada KPDNKK.
- ii) Lesen hendaklah dipamerkan dengan jelas di premis perniagaan yang telah diluluskan.
- iii) Mendapatkan kelulusan KPDNKK sebelum membuat sebarang pindaan mana-mana bahagian atau melakukan sebarang perubahan di dalam struktur syarikat sama ada dari segi ekuiti, lembaga pengarah, hak milik, pembekal dan sebagainya.
- iv) Pemegang lesen perlu mengemukakan permohonan pembaharuan kebenaran PDA, 3 bulan sebelum tarikh tempoh tamat.
- v) Mematuhi semua syarat lesen yang ditetapkan dari masa ke semasa oleh KPDNKK dan mematuhi mana-mana undang-undang di Malaysia dan tidak menjalankan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan mana-mana undang-undang itu.
- vi) Mengemukakan dengan lengkap dan tepat apa-apa maklumat penjelasan yang diminta oleh KPDNKK.
- vii) Kebenaran PDA akan dibatalkan apabila ada pelanggaran mana-mana syarat-syarat di atas atau peruntukan-peruntukan di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 atau mana-mana perundangan kecil dibawahnya atau mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia.
- viii) Tidak akan mengambil apa-apa tindakan undang-undang atau menuntut ganti rugi dari mana-mana pihak sekiranya Kebenaran PDA tidak diperbaharui atau dilanjutkan atas sebab-sebab kecuaiian dan kegagalan pemegang lesen sendiri.

#### 4. PERMOHONAN

##### **SEKSYEN 3A (2) DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN PETROLEUM 1974 (PINDAAN 1991)**

“Permohonan bagi kebenaran untuk memulakan atau meneruskan apa-apa urusan memasarkan atau mengedarkan petroleum atau keluaran petroleum di bawah seksyen 6(3) Akta Kemajuan Petroleum, 1974 hendaklah dibuat kepada **Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan**”.

#### 5. PROSEDUR PERMOHONAN BARU KEBENARAN PDA

i) Menggunakan borang-borang berikut:

- BORANG KPDM/ PDA/CSA/ RUNCIT (V.1) bagi permohonan mengusahakan stesen minyak/ skid tank/ *Portable Container System* /mengambil alih stesen minyak;
  - a) Semua syarikat minyak, sama ada jenama penuh atau stesen minyak mini perlu memohon kebenaran tapak bagi mendirikan stesen minyak di kawasan luar bandar. (Luar bandar didefinisikan sebagai kawasan yang mempunyai kurang daripada 10,000 orang penduduk sepertimana tafsiran Jabatan Perangkaan Malaysia).
  - b) Semua stesen minyak yang hendak di bina di kawasan luar bandar hendaklah mematuhi jarak 10 kilometer radius atau jarak yang munasabah (tertakluk kepada keperluan) daripada stesen minyak sedia.
- BORANG KPDM/ PDA/ KOMERSIAL (V.1) bagi permohonan untuk menjalankan aktiviti bunkering, pengangkutan bahan petroleum dan memasarkan borong bahan petroleum;
- Mengisi permohonan melalui atas talian di laman sesawang <https://bless2.bless.gov.my/bless2> dan mengemukakan permohonan asal ke alamat:

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
Koperasi dan Kepenggunaan,  
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri,  
No.13, Aras 4,  
Persiaran Perdana, Presint 2,  
**62623 PUTRAJAYA.**  
Telefon : 03-8882 5977  
Faks : 03-8882 5858

- Permohonan secara atas talian tanpa penghantaran dokumen secara *hardcopy* ke alamat di atas tidak akan diproses.

## 6. PERMOHONAN MEMPERBAHARUI KEBENARAN PDA

Nota: Kelulusan pembaharuan kebenaran PDA **TIDAK DIBERI SECARA AUTOMATIK.**

Syarat-syarat :

- a. Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang memperbaharui PDA **yang telah disediakan dengan lengkap borang PDA V.2016.**
- b. **BORANG PDA 5** bagi menukar alamat/ nama perniagaan/ status perniagaan/ rakan kongsi/ pembekal/ menambah pemasaran bahan-bahan petroleum iaitu bagi pemegang lesen PDA yang sedia ada
- c. Pembaharuan **kebenaran PDA hendaklah dibuat 3 bulan sebelum tarikh** tamat tempoh kebenaran PDA.
- d. Mengemukakan salinan dokumen seperti berikut :-
  - SSM Print Out terkini lengkap dengan maklumat pemilik (Pendaftaran Syarikat)/ Borang B (Pendaftaran Perniagaan(Sabah)/ Form 1 (Sarawak) yang terkini;

- Nilai/ jumlah jualan dalam tempoh 2 tahun yang lepas (penyata akaun untung rugi yang diaudit oleh akauntan bertauliah);
  - Penyata kewangan 2 bulan terkini;
  - Mengemukakan permit lori/ lesen pembawa kelas 'A' yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Malaysia/ Sabah/ Sarawak atas nama pemilik syarikat perniagaan bagi permohonan pembaharuan Kebenaran PDA Perkhidmatan Pengangkutan;
  - Mengemukakan surat sokongan yang terkini dan asal dari syarikat minyak (pembekal)
- e. Kelewatan memperbaharui kebenaran PDA mengikut tarikh yang ditetapkan menyebabkan kebenaran dengan sendirinya terbatal dan pemohon perlu **mengemukakan permohonan baru** sekiranya pemohon masih berminat meneruskan perniagaan.

## 7. BORANG PDA

Borang-borang bagi permohonan kebenaran PDA tersebut boleh diperolehi melalui laman web Kementerian secara terus seperti berikut:

<http://www.kpdnkk.gov.my>

## 8. BAYARAN KEBENARAN PDA

- i) Bayaran bagi semua kategori kebenaran PDA adalah RM25.00 untuk satu tahun.
- ii) Pemohon boleh membuat bayaran untuk tempoh maksimum 2 tahun bagi aktiviti bunkering, pengangkutan & borong, mengusahakan stesen minyak.
- iii) Bayaran hendaklah dibuat melalui **KIRIMAN WANG (MONEY ORDER), WANG POS (POSTAL ORDER),** atau BANK DRAF atas nama **KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN.**

## 9. JENIS-JENIS KEBENARAN PDA

### 9.1. Empat (4) kategori kebenaran PDA yang dikeluarkan iaitu:

- i) Mengusahakan stesen minyak/ skid tanks/ floating barge;
- ii) Menjalankan perkhidmatan bunkering;
- iii) Menjalankan perkhidmatan pengangkutan bahan-bahan petroleum;
- iv) Memasar borong bahan petroleum iaitu :-
  - a) Petroleum
  - b) Gas Petroleum Cecair (LPG)
  - c) Gas Asli
  - d) Regular & Premium Motor Gasoline
  - e) Automotive Industrial & Marine Diesel Oil
  - f) Fuel Oil
  - g) Kerosene, Aviation Turpine Fuel, Dual Purpose Kerosene dan Jet Fuel
  - h) Bitumen dan Asphalt
  - i) Lubricating Oil
  - j) Naphta Based Solvents
  - k) Benzene
  - l) Ethylene
  - m) Nethanol
  - n) Propylene
  - o) Xylene
  - p) Methane
  - q) Toluene
  - r) Butane
  - s) Acetylene
  - t) Ammonia
  - u) Urea from Ammonia
  - v) NPK Fertilizer
  - w) Ammonia Nitrate
  - x) Ammonia Sulphate

**PERHATIAN :**

Permohonan untuk menjalankan perniagaan memasar borong bahan petroleum tidak dibenarkan menjual secara runcit selain daripada aktiviti perniagaan melibatkan gas petroleum cecair (LPG).

**9.2. SYARAT-SYARAT PERTIMBANGAN**

a) Mengisi borang PDA yang berkaitan.

b) Memenuhi syarat modal yang ditetapkan seperti berikut:

**a. Stesen Minyak**

Tidak kurang daripada RM150,000.00

**b. Bunkering**

**Permohonan akan dipertimbangkan bagi Syarikat Sendirian Berhad yang mempunyai modal berbayar tidak kurang daripada RM300,000.00**

**c. Pengangkutan**

**Permohonan akan dipertimbangkan bagi Syarikat Sendirian Berhad yang mempunyai modal berbayar tidak kurang daripada RM100,000.00;**

**d. Borong**

**Permohonan akan dipertimbangkan bagi Syarikat Sendirian Berhad yang mempunyai modal berbayar tidak kurang daripada RM100,000.00**

c) Memenuhi syarat ekuiti yang ditetapkan seperti berikut:

a. Ekuiti Asing

Maksimum pegangan asing tidak melebihi 30% dan 70% dimiliki oleh rakyat tempatan yang mana sekurang-kurangnya 30% dipegang oleh Bumiputera.



- b. Keutamaan akan diberi kepada individu/ syarikat milik 100% bumiputera bagi mengusahakan stesen minyak/ *skid tank/ floating barge* yang dimiliki dan dibina oleh syarikat minyak.
- c. Bagi perkhidmatan bunkering keutamaan akan diberi kepada individu bumiputera/ syarikat yang memiliki ekuiti Bumiputera tidak kurang daripada 30%.
- d. Bagi perkhidmatan pengangkutan bahan-bahan petroleum keutamaan akan diberi kepada individu bumiputera/ syarikat yang memiliki ekuiti Bumiputera tidak kurang daripada 30 %.
- e. Bagi memasar borong produk petrol, diesel, LPG dan minyak tanah keutamaan akan diberi kepada individu bumiputera/ syarikat yang memiliki ekuiti Bumiputera tidak kurang daripada 51%.
- f. Bagi memasar borong lain-lain produk petroleum keutamaan akan diberi kepada individu bumiputera/ syarikat yang memiliki ekuiti bumiputera tidak kurang daripada 30%.
- g. *Company Owned Dealer Operated* atau CODO– Ekuiti bumiputera minimum sebanyak 30%. Pengecualian diberikan kepada syarikat bukan bumiputera jika:
  - Generasi Kedua;
  - Wakil penjual (dealer) sedia ada dinaik taraf/penempatan semula;
- h. *Dealer Owned Dealer Operated* atau DODO – Tiada syarat ekuiti tetapi masih tertakluk kepada syarat tiada penyertaan ekuiti asing;

## 10. PERTANYAAN

Semua pertanyaan berhubung dengan permohonan kebenaran PDA boleh di alamatkan atau datang sendiri ke alamat berikut:-

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
Koperasi dan Kepenggunaan,  
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri,  
No.13, Aras 4,  
Persiaran Perdana, Presint 2,  
**62623 PUTRAJAYA.**  
Telefon : 03-8882 5977  
Faks : 03-8882 5858